Headline	Mampukah Perak		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Dec 2015	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	599 cm²	Journalist	Nurul Riduan Nor
PR Value	RM 26,280		

Mampukah Perak?

Kuala Lumpur, Terengganu bakal jadi halangan kepada penyandang juara

NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

CABARAN Kejohanan Hoki TNB Piala Tun Abdul Razak 2015 secara rasminya membuka tirai Jumaat lalu dengan lapan pasukan bersaing dalam Divisyen Satu yang dibahagikan dalam dua kumpulan.

Juara bertahan, Perak diundi dalam Kumpulan A bersama Melaka, Pulau Pinang dan Terengganu manakala juara 19 kali, Kuala Lumpur pula beraksi dalam Kumpulan B bersama Pahang, Negeri Sembilan dan Johor.

Sementara Divisyen Dua pula dihuni Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perlis, Kedah, Kelantan, Selangor dan Sarawak.

Persoalannya di sini, mampukah Perak mengulangi pencapaian musim lalu selepas muncul sebagai juara?

Tampil menjawab persoalan itu, Pengurus Pasukan Perak, Hakimi Abd Hamid menjelaskan, peluang semua pasukan adalah seimbang.

Tidak mahu mendabik dada, Hakimi memberitahu, beberapa pasukan seperti Kuala Lumpur dan Terengganu bakal memberi saingan sengit kepada mereka dalam memburu gelaran ketujuh pada edisi ke-53 kejohanan itu.

Ini kerana jelasnya, majoriti pasukan dalam Divisyen Satu diperkuatkan dengan beberapa pemain kebangsaan.

Pemain Kedah meraikan jaringan yang dilakukan dalam aksi menentang ATM, Sabtu lalu.

Mohamed Shukri Mutalib, Azlan Misron, kapten skuad Projek 2016, Muhammad Najib Abu Hassan dan Muhammad Haziq Samsul antara pemain yang akan mengetuai cabaran Perak dalam edisi kali ini.

"Peluang yang kami miliki adalah 50-50 kerana ada pasukan yang mampu memberi saingan yang sengit kepada kami.

"Kami akan berusaha sebaik mungkin. Saingan sudah pastinya sengit," kata Hakimi.

53rd TNB 2015 TUN ABDUL RAZAK CUP

DIVISYEN DUA

PDRM, Selangor saing hebat

PENYANDANG juara Divisyen Dua, Selangor berada di landasan terbaik mengekalkan kejuaraan selepas melakar dua kemenangan, tewaskan ATM 6-3 dalam aksi pembukaan dan terbaharu, Selangor menumpaskan Kedah 4-1, kelmarin.

Pesaing terdekat Selangor, PDRM turut mengorak langkah sama memberi saingan terhadap juara 10 kali itu apabila melakar dua kemenangan menumpaskan Kelantan 5-3 diikuti menewaskan Perlis 6-2 sebelum diikat ATM 2-2, kelmarin.

PDRM kini menghuni tangga teratas dengan tujuh mata diikuti Selangor dan Perlis berkongsi enam mata yang mana hanya dua pasukan teratas akan melayakkan diri ke pentas final.

Hari ini bakal menyaksikan perlawanan penting antara Selangor menentang PDRM yang bakal menyaksikan siapa lebih unggul untuk menghuni kedudukan teratas.

Pemain Selangor, Muhammad Zamri (tengah) cuba melepasi halangan pemain Kedah dalam aksi kedua, kelmarin.

Pemain PDRM melakukan halangan bagi menghalang pergerakan pemain Perlis dalam aksi, Sabtu lalu.

Kapten Sarawak, Dangerous Lee (depan) melakukan percubaan ke gawang Perlis dalam aksi petang kelmarin yang menyaksikan Sarawak kecundang 1-6.

Powered by: iSENTIA